

05/01/2001

Perpaduan Melayu: Ambil iktibar sejarah penjajahan

Kamal Ahmad

APAKAH sebenarnya yang menghalang usaha menyatupadukan orang Melayu sekarang?

Ia boleh dihalang oleh ketidakikhlasan pemimpin Pas, kata bekas Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Mustapa Jabar, yang melihat sebenarnya tidak ada sebab lagi Pas boleh menuduh Umno tidak mahu menganjurkan perpaduan Melayu apabila Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menyatakan secara terbuka bahawa parti itu sedia merintis usaha berkenaan.

Beliau yang berada dalam Kabinet Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein ketika itu adalah antara tokoh Umno yang turut terbabit dalam perundingan penyertaan kemasukan Pas dalam Kerajaan Perikatan pada 1973.

"Ketika itu, kedua-dua pihak tidak banyak kerenah sebab semua ikhlas sedangkan dia (Pas sekarang) main kayu tiga.

"Allahyarham Datuk Asri Muda adalah tokoh Pas yang lebih liberal dan terbuka serta menyedari Pas ketika itu sudah menggunakan agama untuk kepentingan politik," katanya.

Mustapa berkata, kesediaan Dr Mahathir membuka pintu perundingan untuk penyatuan Melayu adalah tradisi parti itu sejak awal lagi, termasuk sama seperti sikap Tun Razak yang mempelawa Asri menyertai Perikatan atas satu matlamat, iaitu untuk menjayakan ekonomi orang Melayu dan perpaduan umat Islam di negara ini.

Tun Razak turut menyifatkan penyertaan Pas dalam Perikatan adalah 'inisiatif yang baik ke arah kemakmuran dan keamanan negara'.

Malah, bagi merintis matlamat itu, Tun Razak berkata oleh kerana kedua-dua pihak bersetuju mengadakan rundingan mengenai kerajaan campuran, soal siapakah yang akan membuat langkah permulaan tidak timbul.

"Saya tidak fikir kita perlukan orang tengah atau orang perantaraan dalam perkara ini kerana ia menjadi perkara yang terbuka," katanya.

Sebenarnya, pendekatan, semangat dan kaedah 1972/1973 boleh digunakan untuk menyatupadukan semula orang Melayu sekarang.

Jika penyatuan ketika itu membabitkan penyertaan Pas dalam Perikatan, iaitu membabitkan satu penubuhan kerajaan campuran peringkat Persekutuan dan lima negeri, Kedah, Perlis, Perak, Terengganu dan Kelantan, hasrat penyatuan Melayu semangat 2000/2001 masih boleh menggunakan slogan 'demi menjayakan ekonomi orang Melayu dan perpaduan umat Islam negara ini'.

Pas tidak perlu pun untuk menyertai Barisan Nasional (BN) bagi mencapai matlamat perpaduan Melayu. Pas hanya perlu memberhentikan cara ia berpolitik, iaitu menggunakan agama untuk politik dan mentarbiahkan mulut masing-masing supaya tidak memfitnah, menyebarkan tuduhan melulu yang kemudian dianggap sebagai 'fatwa' oleh penyokongnya.

Allahyarham Tun Dr Ismail Abd Rahman pernah berkata: "Kita sayangkan agama dan kita tidak mahu ia disalahgunakan dalam politik." Kenyataan bekas Timbalan Perdana Menteri itu merujuk kepada perkembangan Pas pada 1972 yang sudah menggunakan propaganda seperti sekarang, iaitu berpolitik menggunakan agama sehingga orang Melayu berpecah-belah.

Mengimbas kembali kenyataannya pada Oktober 1972, Dr Mahathir berkata: "Perselisihan faham di kalangan orang Melayu kerana sentimen politik sangat merugikan. Masalah itu jika tidak diatasi segera akan meninggalkan kesan lebih buruk di kalangan orang Melayu sendiri.

"Orang Melayu sepatutnya cergas dalam politik tetapi malangnya sebahagian daripada mereka masih lagi menganuti fahaman politik yang membuta tuli tanpa menyedari kesan buruk yang akan dihadapi oleh mereka,"

katanya pada majlis dialog anjuran Umno Bahagian Seberang Prai.

Beliau ketika itu turut mengesan kejadian pulau memulau di kalangan ahli Pas dan Umno. Apa yang menyedihkan, perselisihan terus diseret ke dalam masyarakat hingga timbul dua kelompok orang Melayu, iaitu orang Melayu dalam Umno dan Pas.

Sebenarnya, Pas boleh menukar dua tabiat buruk lamanya itu sebagai azam 2001. Menukar tabiat buruk bukan sesuatu yang memalukan walaupun sukar.

Tetapi kesanggupan Pas membuat perubahan sikap itu sebagai satu langkah menyediakan wadah merundingkan perpaduan Melayu yang sebahagiannya sudah disediakan oleh Umno.

Asri sendiri ketika mulai cenderung dan berminat untuk menyertai Perikatan, turut menerima pelbagai tentangan beberapa pemimpin kanannya.

Tetapi atas keinsafan 'demi menjayakan ekonomi orang Melayu dan perpaduan umat Islam negara ini', Asri tidak mempedulikan tentangan itu.

"Asri juga ingin menyatupadukan Melayu. Dia temui (pemimpin) Umno dan ingin bekerjasama. (Pemimpin Pas lain) yang nak menggunakan agama untuk politik memang tak setuju," kata Mustapa yang yakin Umno sekarang mempunyai barisan kepemimpinan berwibawa untuk merintis usaha penyatuan itu tanpa membabitkan veteran parti.

Apabila merenung secara dalam dan yang tersirat di sebalik gambar Dr Mahathir dan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor, bersalaman ketika bertemu pada majlis berbuka puasa di Kompleks Al-Bukhari di Alor Star pada 24 Disember lalu, hati kita tersentuh betapa suasana begitu cukup dinantikan ketika orang Melayu mulai berpecah dan diambil kesempatan pihak lain.

Malah, hasrat Umno merintis perpaduan Melayu semacam ada harapan apabila Ketua Dewan Ulama Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, turut sedia mempertimbangkan usaha itu.

Percubaan mencari persamaan harus dilakukan. Carilah keserasian dan kesefahaman. Ambil iktibar sejarah panjang orang Melayu. Penjajahan lebih 400 tahun adalah kerana Melayu saling bermusuhan dan lemah. Melayu alaf baru tidak perlu mengulangi sejarah hitam yang panjang itu.

Cuba kita renungi pengakuan seorang wanita ini: "Makcik menangis apabila ada berita Kuala Lumpur dah huru-hara (kerana demonstrasi kumpulan pelampau politik). Petang itu, makcik mula tanam batang ubi dan benih pisang sambil menitikkan air mata. Apakah (sudah berlaku) perang macam zaman dulu (penjajahan British, Jepun, darurat dan 13 Mei 1969)? Makcik takut anak makcik di Kuala Lumpur tak cukup makan. Jadi makcik tanamlah ubi ... tanam pisang buat persediaan.

"Orang muda sekarang tak tahu susahnyanya kalau perang. Cukuplah. Serik rasanya. Susah nak dapat beras dan pakaian. Masa itu, makcik hanya makan ubi dan pisang rebus. Kain guni (karung) dibuat pakaian. Kenapalah nak huru-hara lagi?" demikian luahan perasaan Rokiah Suleiman, 70, dari Batu Pahat, Johor.

Ibu sebelas anak itu berkata, pengalaman dijajah Jepun sangat menyeksa dan memilukan. Penduduk sentiasa diburu ketakutan. Ramai lelaki hilang tanpa berita. Ramai juga mati di hujung senapang atau benet tentera Jepun. Tidak kurang wanita menjadi mangsa keganasan nafsu tentera Jepun.

Antara detik yang tidak mampu dilupakan ialah bagaimana kelapa muda busuk menjadi penyelamat kepada dua anak saudara Rokiah ketika negara dikuasai Bintang Tiga.

Ketika itu, dua anak saudaranya, Abdul Muluk Sirat (kini menetap di Kluang, Johor) dan adiknya, Abdullah Sirat (di Johor Bahru) menjadi yatim piatu di bawah jagaannya. Selepas Perang Dunia Kedua dan penjajahan Bintang Tiga, makanan seperti beras tiada lagi. Abdullah yang berumur dua tahun ketika itu, turut menjadi mangsa perang dan terkulai kerana kelaparan.

"Bintang Tiga berada di merata-rata tempat di kampung. Makanan tidak ada. Kebetulan yang ada cuma kelapa muda busuk. Jadi makcik belah kelapa itu dan berikan dia makan isinya. Mata Dollah sudah terbeliak kerana terlalu lapar. Tapi Alhamdulillah, dengan izin Allah, dia bertenaga semula selepas memakannya dan hidup sampai sekarang," katanya.

Sepanjang tempoh darurat itu juga, Rokiah dan dua anak saudaranya terpaksa bersembunyi dalam belukar bagi memastikan mereka tidak dikelar dan disembelih penganas Bintang Tiga.

"Memang susah ... jadi makcik dah serik. Janganlah jadi lagi (berulang kejadian seumpama itu)," kata Rokiah.

Itulah secebis sejarah yang sekian lama terlipat dan kebimbangan yang diluahkan oleh seorang ibu berikutan bimbang keselamatan anak cucunya selepas tahu pahit dan seksanya hidup dalam zaman hura-hara di bumi tercinta ini apabila Melayu tidak berkuasa apa-apa ketika itu.

Justeru, pemimpin tertinggi Umno dan Pas wajar segera memulakan perbincangan. Perbezaan ideologi politik tidak wajar menjadi penghalang perpaduan Melayu.

Rapuh atau kukuhnya bangsa Melayu akan menentukan masa depan dan kelangsungan hidup rakyat serta negara pada alaf baru ini.

(END)